BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 05/05/49 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 25 Mei 2005

Perkembangan Monetari dan Kewangan April 2005
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Aktiviti pembiayaan terus kukuh pada bulan April

Aktiviti pembiayaan terus kukuh pada bulan April, didorong oleh permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor perniagaan dan isi rumah. Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.3%.

Jumlah pinjaman bank terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 8.8% pada akhir bulan April. Yang penting, pemberian pinjaman bank kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) terus meningkat dengan ketara, dengan pinjaman terkumpul kepada sektor tersebut berkembang pada kadar tahunan 10.4%. Oleh itu, nisbah pinjaman terkumpul sektor PKS kepada jumlah pinjaman terkumpul sektor perniagaan dalam peratusan meningkat lagi kepada 41.2%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 05/05/49 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 25 Mei 2005

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN APRIL 2005

Aktiviti pembiayaan terus kukuh pada bulan April

Keadaan kewangan terus menggalakkan pada bulan April. Dalam pasaran wang, purata berwajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil dengan berpurata pada 2.70% pada bulan April, manakala kadar pinjaman purata (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan dalam pasaran runcit masing-masing meningkat sedikit kepada 5.97% dan 8.64%.

Indeks Harga Pengguna meningkat sebanyak 2.7% pada bulan April. Kenaikan inflasi disebabkan oleh harga makanan di rumah yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kenaikan ini sebahagiannya diimbangi oleh penurunan harga pakaian, kasut dan barang kemas.

M1, iaitu wang secara kecil meningkat pada kadar tahunan 11.6%, mencerminkan permintaan bagi baki urus niaga. Sementara itu, wang secara luas, M3, berkembang pada kadar tahunan 12.5%, disebabkan terutamanya oleh aliran masuk dana luar negeri dan operasi Kerajaan.

Aktiviti pembiayaan terus berada pada tahap yang tinggi pada bulan April, disokong oleh permintaan daripada sektor perniagaan dan isi rumah. Jumlah pembiayaan bersih (pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul) berkembang pada kadar tahunan 9.3% manakala jumlah pinjaman bank terkumpul meningkat 8.8% berbanding dengan setahun yang lalu. Yang penting, pemberian pinjaman bank kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang dengan ketara, dengan pinjaman terkumpul sektor tersebut mencatat kadar pertumbuhan tahunan 10.4%. Hasilnya, nisbah pinjaman terkumpul PKS kepada jumlah pinjaman terkumpul sektor perniagaan dalam peratusan meningkat kepada 41.2% pada akhir bulan April. Dalam pasaran modal, dana yang diperoleh sektor swasta adalah terutamanya daripada pasaran ekuiti. Pada asas bersih, jumlah dana yang diperoleh sektor swasta daripada pasaran modal berjumlah RM1.3 bilion pada bulan April.

Daya tahan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan yang kekal tinggi, meskipun kedua-dua nisbah modal tersebut masing-masing menurun kepada 13.3% dan 10.5%. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan kekal pada 5.4% pada akhir bulan April 2005.

Kadar faedah kekal stabil

Sebahagian besar operasi mudah tunai oleh Bank Negara Malaysia adalah untuk menyokong kadar antara bank semalaman yang stabil dalam konteks aliran masuk dana. Dalam tempoh antara 1 April – 24 Mei, purata berwajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat antara 2.67% - 2.73%, dengan berpurata pada 2.70%. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah manakala kadar pinjaman purata (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing meningkat sedikit kepada 5.97% and 8.64%.



Kadar antara bank semalaman stabil



Kadar antara bank lain secara relatif tidak berubah



Operasi mudah tunai pada bulan April sebahagian besar untuk mengimbangi operasi luaran bersih dan peningkatan operasi Kerajaan



Nisbah pembiayaan-deposit menjadi sederhana kepada 84.9%



ALR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan adalah lebih tinggi pada bulan April

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mac 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
Apr 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
20 Mei 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mac 05	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70
Apr 05	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70
20 Mei 05	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70

Kadar deposit tetap syarikat kewangan kekal tidak berubah

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3 Bulan



Kadar benar deposit tetap 3 bulan menurun

Prestasi ringgit

Bagi tempoh akhir bulan Mac hingga 24 Mei 2005, ringgit bergerak sejajar dengan pergerakan dalam dolar Amerika Syarikat (AS). Dolar AS menambah nilai berbanding dengan mata wang utama berikutan pembezaan kadar hasil yang semakin luas yang berpihak kepada dolar AS dan jangkaan yang semakin meningkat bahawa pertumbuhan ekonomi AS akan mengatasi pertumbuhan ekonomi di kawasan Euro pada tahun 2005. Di rantau ini, ringgit menunjukkan pola yang bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau disebabkan oleh perkembangan khusus di negara berkenaan.





Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %		
	Dis 04	Mac 05	Apr 05	24 Mei 05	Akhir Mac 05 - Apr 05	Akhir Apr 05 - 24 Mei 05	Akhir Dis 04 - 24 Mei 05
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0
Euro	5.1729	4.9125	4.9079	4.7749	0.1	2.8	8.3
Paun sterling	7.3169	7.1415	7.2542	6.9504	-1.6	4.4	5.3
100 yen Jepun	3.7026	3.5446	3.5895	3.5296	-1.2	1.7	4.9
Dolar Singapura	2.3258	2.3034	2.3071	2.2926	-0.2	0.6	1.4
100 baht Thailand	9.7636	9.7013	9.5790	9.4905	1.3	0.9	2.9
100 peso Filipina	6.7706	6.9381	6.9817	6.9495	-0.6	0.5	-2.6
100 rupiah Indonesia	0.0408	0.0401	0.0397	0.0401	1.1	-1.2	1.7
100 won Korea	0.3671	0.3734	0.3785	0.3794	-1.4	-0.2	-3.2

Inflasi meningkat pada bulan April

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 2.7% pada bulan April (Mac: 2.6%). Inflasi yang lebih tinggi pada bulan April secara relatif berbanding dengan bulan Mac disebabkan oleh harga bagi makanan di rumah yang lebih tinggi, terutamanya sayur-sayuran dan ikan segar. Walau bagaimanapun, kenaikan ini diimbangi sebahagiannya oleh penurunan harga pakaian, kasut dan barang kemas. Namun begitu, harga bagi subkumpulan lain secara relatif kekal tidak berubah.

Indeks Harga Pengguna



Inflasi meningkat kepada 2.7% pada bulan April

Harga pengeluar meningkat

Pada asas tahunan, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat 7.2% pada bulan Mac (Februari: 4.5%) berikutan kenaikan yang kukuh dalam harga minyak mentah yang lebih daripada mengimbangi kejatuhan dalam harga getah dan minyak

sawit mentah. Tidak termasuk harga komoditi, IHPR meningkat pada kadar 2.6% (Februari: 2.8%).



Inflasi IHPR meningkat

Agregat monetari terus berkembang pada bulan April

Pada bulan April, baki urus niaga, yang diukur oleh M1, meningkat pada kadar tahunan 11.6% (Mac: 9.4%). Sementara itu, wang secara luas, M3, meningkat 12.5%, disokong oleh aliran masuk dana luar negeri yang berterusan dan operasi Kerajaan pada tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, kesan pengembangan ini dikurangkan sedikit oleh tuntutan terhadap sektor swasta yang lebih rendah.

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**Mac 05**	**Apr 05**	**Jan-Apr '05**
M3	74.6	13.9	0.3	26.7
Tuntutan bersih atas Kerajaan	-17.1	-2.6	1.4	-7.7
Tuntutan atas sektor swasta	31.3	5.4	-2.0	7.1
Pinjaman	*40.2*	*6.8*	*0.0*	*10.5*
Sekuriti	*-8.9*	*-1.3*	*-2.0*	*-3.4*
Operasi luar negeri bersih*	90.5	10.3	4.0	33.0
Pengaruh lain	-30.1	0.7	-3.1	-5.7

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan terus meningkat pada bulan April

Jumlah deposit meningkat sebanyak RM1.8 bilion atau pada kadar tahunan 13.1% pada bulan April (Mac: 13.6%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh simpanan deposit yang lebih tinggi oleh institusi kewangan bukan bank domestik dalam bentuk perjanjian pembelian semula.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 05	**Feb 05**	**Mac 05**	**Apr 05**
Kerajaan Persekutuan	169	198	83	-281
Kerajaan Negeri	-413	610	-134	-7
Badan Berkanun [1]	-297	-255	190	230
Institusi Kewangan	-4,201	398	6,441	4,412
Perusahaan Perniagaan	5,880	1,653	10,367	-2,484
Individu	1,740	3,255	253	340
Lain-lain [2]	948	-479	709	-363
Jumlah	3,826	5,380	17,909	1,848

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk entiti lain tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 05	**Feb 05**	**Mac 05**	**Apr 05**
Deposit tetap	2,056	4,667	4,641	-808
NID	1,362	-1,262	8,958	4,686
Deposit permintaan	3,518	-1,125	-1,511	-1,096
Deposit tabungan	84	641	-504	-358
Perjanjian beli balik (Repo)	-2,278	2,588	4,110	1,043
Deposit mata wang asing	-309	-304	909	-1,093
Deposit SPI	-769	-33	864	-582
Lain-lain	163	208	442	56
Jumlah	3,826	5,380	17,909	1,848

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal pada paras tinggi

Pada bulan April, permintaan pembiayaan oleh sektor swasta kekal mapan. Jumlah pembiayaan kasar yang diberikan kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM42.5 bilion dan berkembang pada kadar tahunan 2.8%, berikutan peningkatan pengeluaran pinjaman dan terbitan ekuiti. Pada asas bersih, jumlah pembiayaan yang diberikan kepada sektor swasta (pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul) kekal tidak berubah pada paras RM685.2 bilion, tetapi terus mencatat pertumbuhan tahunan 9.3% pada akhir bulan April (akhir bulan Mac: +RM6.9 bilion atau 9.6%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Jumlah pembiayaan kasar sektor swasta secara relatif kekal kukuh, melebihi RM40 bilion pada bulan April

Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%	
	Jan	Feb	Jan	Feb
Jumlah				
Permohonan pinjaman	28.6	27.6	20.3	13.6
Kelulusan pinjaman	17.1	14.4	3.1	-9.0
Pengeluaran pinjaman	47.7	40.4	12.1	3.2
Perubahan pinjaman terkumpul [1/]	5.9	0.2	9.1	8.8
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	15.8	14.8	31.0	12.8
Kelulusan pinjaman	8.4	6.5	2.1	-19.0
Pengeluaran pinjaman	33.5	27.2	15.5	1.6
Perubahan pinjaman terkumpul [1/]	2.7	-2.3	2.8	2.0
PKS				
Permohonan pinjaman	5.6	5.6	29.8	25.3
Kelulusan pinjaman	3.4	3.0	31.5	11.9
Pengeluaran pinjaman	9.6	8.6	22.5	10.3
Perubahan pinjaman terkumpul [1/]	1.5	-0.1	10.5	10.4
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	12.6	12.3	12.4	10.5
Kelulusan pinjaman	8.5	7.8	6.8	0.8
Pengeluaran pinjaman	12.2	11.5	5.7	9.5
Perubahan pinjaman terkumpul [1/]	2.4	2.9	15.2	15.3

[1/] Pertumbuhan tahunan bagi akhir tempoh

Aktiviti pemberian pinjaman berterusan

Aktiviti pemberian pinjaman bank kekal pada tahap yang tinggi pada bulan April, mencerminkan permintaan yang kukuh terhadap pinjaman bank oleh sektor isi rumah dan perniagaan. Pada asas tahunan, permohonan dan pengeluaran pinjaman masing-masing meningkat 13.6% dan 3.2%. Peningkatan tersebut didorong oleh sektor isi rumah dan perniagaan. Permohonan dan pengeluaran pinjaman kepada perusahaan perniagaan meningkat, masing-masing pada kadar tahunan 12.8% dan 1.6%. Ini mencerminkan permintaan terhadap pembiayaan bank yang lebih kukuh oleh PKS. Permohonan dan pengeluaran pinjaman kepada PKS masing–masing meningkat sebanyak 25.3% dan 10.3%. Sementara itu, permohonan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah masing-masing meningkat sebanyak 10.5% dan 9.5% pada asas tahunan.



Penunjuk pinjaman kekal pada paras tinggi pada bulan April



Pada bulan April, pengeluaran pinjaman meliputi kesemua sektor

Permintaan yang kukuh terhadap pembiayaan bank juga dicerminkan oleh peningkatan yang berterusan dalam jumlah pinjaman terkumpul, yang tumbuh pada kadar tahunan 8.8% pada akhir bulan April (akhir bulan Mac: 9.1%). Pertumbuhan tahunan pinjaman terkumpul sektor perniagaan kekal positif pada kadar 2% pada akhir bulan April (akhir bulan Mac: 2.8%), disebabkan terutamanya oleh jumlah pinjaman terkumpul kepada PKS yang meningkat dengan kukuh sebanyak 10.4% (akhir bulan Mac: 10.5%). Oleh itu, pinjaman PKS mencakupi bahagian pinjaman kepada sektor perniagaan yang lebih tinggi, iaitu 41.2% (akhir tahun 2004: 40.3%). Sementara itu, pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah meningkat pada kadar tahunan 15.3% pada akhir bulan April (akhir bulan Mac: 15.2%).

Dana yang diperoleh sektor swasta daripada pasaran modal kekal tinggi

Pada bulan April, aktiviti pemerolehan modal daripada pasaran modal oleh sektor swasta tertumpu terutamanya pada pasaran ekuiti, dengan modal yang diperoleh nyata lebih tinggi berjumlah RM1.4 bilion. Dalam pasaran PDS, dana kasar yang diperoleh lebih rendah, dengan dana disalurkan kepada pembiayaan semula di samping menyokong aktiviti baru. Pada asas bersih, pasaran PDS mencatat penebusan bersih sebanyak RM96 juta. Dana bersih yang diperoleh sektor swasta daripada pasaran modal berjumlah RM1.3 bilion pada bulan April. Secara keseluruhan, pasaran modal mencatat jumlah penebusan bersih sebanyak RM1.6 bilion pada bulan April berikutan satu penebusan yang besar oleh sektor awam.



* Termasuk nota jangka pertengahan

KLCI bertambah baik sedikit

Pada bulan April, KLCI ditutup tinggi sedikit pada 878.96 mata (0.9% sejak akhir bulan Mac). Walau bagaimanapun, permodalan pasaran adalah lebih rendah pada RM689.04 bilion (-0.7% sejak akhir bulan Mac). Urus niaga purata harian pada bulan tersebut menurun kepada 341.8 juta unit.



KLCI bertambah baik sedikit

Bagi tempoh 1-24 Mei, KLCI ditutup lebih tinggi pada 884.34 mata pada 24 Mei (0.6% sejak akhir bulan April). Permodalan pasaran adalah pada RM684.4 bilion (-0.7% sejak akhir bulan April). Aktiviti pasaran bertambah baik sedikit, dengan urus niaga purata harian pada 368.4 juta unit.

Rizab antarabangsa terus kukuh

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM5 bilion (USD1.3 bilion) kepada RM280.2 bilion (USD73.7 bilion) pada 30 April 2005. Kenaikan dalam rizab pada bulan April disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan portfolio yang berterusan serta pengambilan pinjaman luar negeri. Aliran keluar pula mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan, dan penghantaran balik dividen. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan merupakan 7.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab meningkat lagi kepada RM284.4 bilion (USD74.8 bilion) pada 14 Mei 2005. Paras rizab tersebut memadai untuk membiayai 8.7 bulan import tertangguh dan merupakan 7.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan kekal berdaya tahan

Dengan mengambil kira risiko pasaran ke dalam rangka kerja kecukupan modal, nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) sistem perbankan kekal kukuh, sungguhpun nisbah tersebut masing-masing menurun kepada 13.3% dan 10.5%. Sementara itu, nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan kekal pada 5.4% pada akhir bulan April 2005.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh								
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**Dis 04**	**Feb 05**	**Mar 05**	**Apr 05**
Modal (%)									
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.2	11.2	10.8	10.5
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.2	14.2	13.7	13.3
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)									
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	6.9	7.5	6.8	5.8	5.6	5.4	5.4
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,630	27,823	27,277	27,213
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.

* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



RWCR berada pada 13.3%



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) kekal pada 5.4%

Bank Negara Malaysia
25 Mei 2005

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Feb 05		Mac 05		Apr 05	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		51.9	9.7	50.6	7.5	51.4	8.0
M1		117.8	13.9	115.7	9.4	114.3	11.6
M2		540.9	24.9	552.6	25.7	552.5	24.7
M3		630.2	12.4	644.0	13.3	644.3	12.5
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		633.2	12.6	651.1	13.6	652.9	13.1
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		516.7	8.3	522.6	9.1	522.8	8.8
Nisbah pinjaman-deposit (%)		77.7		76.6		76.5	
Nisbah pembiayaan-deposit[1] (%)		86.8		85.3		84.9	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		18.5	5.2	28.6	20.3	27.6	13.6
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		11.7	7.3	17.1	3.1	14.4	-9.0
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		36.5	11.2	47.7	12.1	40.4	3.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		33.6	2.2	41.1	0.4	40.7	4.4
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		14.2		13.7		13.3	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		5.6		5.4		5.4	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		272.9		275.2		280.2	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		71.8		72.4		73.7	
Bilangan bulan import tertangguh		8.4		8.5		8.6	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.70		2.70		2.70	
Antara bank:	Semalaman	2.69 [2.69]		2.72 [2.70]		2.67 [2.70]	
	Seminggu	2.69 [2.71]		2.75 [2.73]		2.72 [2.72]	
	1 bulan	2.78 [2.78]		2.77 [2.76]		2.79 [2.78]	
	3 bulan	2.79 [2.79]		2.82 [2.80]		2.80 [2.80]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		5.95		5.90		5.97	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		107.6	2.4	107.7	2.6	108.0	2.7
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		153.4	4.5	160.8	7.2	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		5.0437		4.9125		4.9079	
Paun Sterling		7.3065		7.1415		7.2542	
100 Yen Jepun		3.6282		3.5446		3.5895	
Dolar Singapura		2.3360		2.3034		2.3071	
100 Baht Thailand		9.9139		9.7013		9.5790	
100 Peso Filipina		6.9463		6.9381		6.9817	
100 Rupiah Indonesia		0.0410		0.0401		0.0397	
100 Won Korea		0.3781		0.3734		0.3785	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	2.0		4.0		-2.9	
	swasta	-0.3		1.3		1.3	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		907.4		871.4		879.0	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		725.2		694.9		689.0	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.